



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**KENADIRAN PAKAIAN TRADISIONAL KAUM KADAZAN DI  
PENAMPANG YANG DIUSAHAKAN OLEH PENGUSAHA  
KECIL-KECILAN**

**Divianna Daimin**

**55828**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian  
(WA59 – Pengurusan Seni)**

**2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

JUDUL: KENADIRAN PAKAIAN TRADISIONAL KAUM KADAZAN DI PENAMPANG YANG DIUSAHAKAN OLEH PENGUSAHA KECIL-KECILAN

**SESI PENGAJIAN: 2018/2019**

Saya : DIVIANNA DAIMIN

Mengaku membenarkan tesis/laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat Salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan ( / )

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**Disahkan**



Tandatangan Penulis

Tarikh: 16 Mei 2019



Tandatangan Penyelia

Tarikh: 16.5.19

Alamat tetap:

Kampung Pulutan,  
Manggatal, 88450,  
Kota Kinabalu, Sabah.

Catatan \* Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

**KENADIRAN PAKAIAN TRADISIONAL KAUM KADAZAN DI  
PENAMPANG YANG DIUSAHAKAN OLEH PENGUSAHA  
KECIL-KECILAN**

DIVIANNA DAIMIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2019

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

**JUDUL: KENADIRAN PAKAIAN TRADISIONAL KAUM KADAZAN DI  
PENAMPANG YANG DIUSAHAKAN OLEH PENGUSAHA KECIL-KECILAN**

**SESI PENGAJIAN: 2018/2019**

Saya : DIVIANNA DAIMIN

Mengaku membenarkan tesis/laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat Salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan (/)

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**Disahkan**

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penulis  
Tarikh:

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia  
Tarikh:

Alamat tetap:

Kampung Pulutan,  
Manggatal, 88450,  
Kota Kinabalu, Sabah.

Catatan \* Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

## PENGESAHAN PENYELIA

Projek yang bertajuk “**Kenadiran Pakaian Tradisional Kaum Kadazan Di Penampang Yang Diusahakan Oleh Pengusaha Kecil-Kecilan**” telah disediakan oleh Divianna Daimin dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

\_\_\_\_\_  
(Puan Rahah Hj. Hassan)

Tarikh:

\_\_\_\_\_

## **PENAKUAN PELAJAR**

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu Ijazah atau kelulusan sama ada kepada Universiti ini atau institusi pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

---

(DIVIANNA DAIMIN)

55828

Program Pengurusan Seni

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, syukur saya ucapkan kepada Tuhan, kerana kasih dan berkat yang Dia berikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini sehingga membolehkan saya untuk menyediakan laporan kajian. Saya telah memperoleh banyak pengalaman sama ada pahit dan manis dan amat berharga dan bermakna dalam hidup saya sebagai seorang pelajar.

Dengan kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Rahah Hj. Hassan, selaku penyelia saya yang banyak membantu, memberi tunjuk ajar, dorongan serta kata-kata nasihat sepanjang menjalankan kajian ini sehinggalah saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Tidak dilupakan kepada ahli keluarga saya yang telah banyak memberi bimbingan dan membantu saya dalam menyiapkan kajian ini, terutama kepada kedua-dua ibu bapa, iaitu Puan Stella Saining dan En. Daimin Tadius yang tidak putus-putus membantu saya dengan menyediakan kenderaan dan juga kewangan dalam menjalankan kajian ini serta menjadi penterjemah kepada saya dalam sesi temu bual yang dijalankan bersama informan di daerah Penampang. Tidak ketinggalan juga kepada ahli keluarga saya yang lainnya yang telah membantu saya dalam mencari sumber maklumat yang diperlukan dalam kajian yang dijalankan. Hanya ucapan

terima kasih dan setinggi penghargaan yang dapat saya berikan untuk membalas jasa ahli keluarga saya pada ketika ini.

Terima kasih juga kepada Sinipak Ethnic Costumes yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk mengambil gambar pakaian tradisional kaum Kadazan di kedainya dan kepada pekerja-pekerja Monsopiad Heritage Village yang sanggup menjadi model pakaian tradisional lelaki Kadazan serta membantu dalam memberikan penambahan maklumat mengenai kaum Kadazan dan latar belakang Penampang.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa saya menyiapkan kajian ini yang mana banyak memberi bimbingan, sokongan moral dan bantuan kepada saya, jutaan terima kasih saya ucapkan. Akhir kata, jutaan terima kasih sekali lagi saya ucapkan buat semua kerana tanpa bantuan dan sokongan semua, kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.



## **ABSTRAK**

Kajian ini mengenai kenadiran pakaian tradisional kaum Kadazan di Penampang yang diusahakan oleh pengusaha kecil-kecilan. Kaedah kualitatif digunakan bagi menganalisis data melalui pemerhatian, pendokumentasian, dan temu bual. Objektif kajian adalah mengkaji ciri-ciri kenadiran pakaian tradisional kaum Kadazan dalam era moden dan mengenal pasti sumbangan pengusaha kepada masyarakat di daerah Penampang yang menggunakan pakaian ini. Berdasarkan dapatan kajian, maklumat tersebut membawa kepada pendedahan yang lebih meluas terhadap ciri-ciri kenadiran pakaian Kadazan. Hasil kajian memperlihatkan bahawa sumbangan pengusaha memberi manfaat kepada masyarakat di daerah Penampang.

## **ABSTRACT**

*This study is about the authenticity of Kadazan traditional clothing in Penampang which is operated by small-scale entrepreneurs. Qualitative methods are used to analyze data through observation, documentation, and interviews. The objective of the study was to examine the characteristics of Kadazan traditional clothing authenticity in the modern era and identify the contribution of entrepreneurs to the people in the Penampang district who used this apparel. Based on the findings of the study, this information leads to a wider exposure to the authenticity characteristics of Kadazan clothing. The findings show that employers' contributions are beneficial to the community in the Penampang district.*

## SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN	i
BORANG PENGESAHAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGAKUAN PELAJAR	iv
PENGHARGAAN	v - vi
ABSTRAK	vii
<i>ABSTRACT</i>	viii
SENARAI KANDUNGAN	ix - xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI CARTA	xiii
SENARAI JADUAL	xiv - xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
<b>BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN</b>	
1.0 Pengenalan	1 – 2
1.1 Latar Belakang Kajian	3 – 19
1.2 Permasalahan Kajian	20 – 21
1.3 Objektif Kajian	22
1.4 Persoalan Kajian	23
1.5 Kepentingan Kajian	24 – 25
1.6 Skop Kajian	26

1.7 Lokasi Kajian	27
1.8 Limitasi Kajian	28
1.9 Definisi	29 - 30
1.10 Kerangka Kajian	31
1.11 Kesimpulan	32
<b>BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	
2.0 Pengenalan	33
2.1 Pakaian Tradisional	34 - 36
2.2 Kaum Kadazan	37 – 40
2.3 Pengusaha Kecil-Kecilan	41 – 44
2.4 Kesimpulan	45
<b>BAB 3 METODLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	46
3.1 Sumber Data	47 – 50
3.2 Pensampelan	51
3.3 Kaedah Kajian	52 – 57
3.4 Pendekatan Teori	58 – 69
3.5 Instrument Kajian	70 – 71
3.6 Kesimpulan	72

## **BAB 4 ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	73
4.1 Penganalisaan Data	74
4.2 Dapatan Kajian	75 – 101
4.3 Kesimpulan	102

## **BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan	103
5.1 Rumusan	104 – 122
5.2 Perbincangan	123 – 133
5.3 Cadangan Kajian	134 – 136
5.4 Cadangan Akan Datang	137 - 138
5.5 Cadangan Kepada Penyelidikan Pada Masa Akan Datang	139 – 140
5.6 Penutup	141 - 142

<b>GLOSARI</b>	143 - 145
----------------	-----------

<b>RUJUKAN</b>	146 – 150
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	151 – 167
-----------------	-----------

## SENARAI GAMBAR

GAMBAR	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Pakaian Tradisional Wanita Kaum Kadazan <i>(sinuangga)</i>	12
1.2	Pakaian tradisional kaum Kadazan ( <i>Sinompukung</i> )	13
1.3	Dikenali Sebagai <i>Tapi</i> Iaitu Kain Sarung	13
1.4	Butang Berwarna Emas Yang Dikenali Sebagai <i>Bamban Labuan</i>	14
1.5	<i>Himpogot</i>	15
1.6	<i>Tangkong</i>	15
1.7	Aksesori Yang Digunakan Bersama Pakaian Tradisional Kaum Kadazan	17
1.8	<i>Gaung</i>	18
1.9	<i>sig</i>	19

## SENARAI CARTA

<b>CARTA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Kajian	31
3.1	Sumber Data	47
3.2	Data Primer	48
3.3	Data Sekunder	49
3.4	Lokasi Pemerolehan Data Sekunder	50
3.5	Kaedah Kualitatif	53
3.6	Pendekatan Teori	58
3.7	Instrument Kajian	70
4.1	Penganalisan Data	74
4.2	Maklumat Informan Yang Ditemu Ramah	75

## SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pengaplikasian Prinsip Bijak Dalam Kajian	61
3.2	Pengaplikasian Prinsip Bijak Dalam Kajian	62
3.3	Pengaplikasian Prinsip Bijak Dalam Kajian	63
3.4	Pengaplikasian Prinsip Baik Dalam Kajian	65
3.5	Pengaplikasian Prinsip Benar Dalam Kajian	66
5.1	Ketekunan dan Kesabaran	106
5.2	Kejujuran Bahan	106
5.3	Proses Pembuatan	107
5.4	Fungsi Kegunaan	109
5.5	Aspek Makna	110
5.6	Faktor Pengaruh Asing yang Tidak Ditolak Tetapi Proses Penyaringan Berlaku	111
5.7	Kesesuaian Reka Bentuk Dengan Fungsinya	114
5.8	Kesesuaian Reka Bentuk Dengan Nilai Kepercayaan Sosial	115
5.9	Kesesuaian Motif dan Corak Dengan Bentuknya	116
5.10	Kesesuaian Warna Dasar Dengan Motif Yang Ditonjolkan	117



5.11	Dihasilkan Dengan Nilai Yang Lebih Tinggi Dan Teliti	117
5.12	Memenuhi Kehendak Kepercayaan Kaum	119

## **SENARAI SINGKATAN**

### **SINGKATAN**

### **MAKSUD**

UNKO	United National Kadazan Organisation
KCA	Kadazan Cultural Association
KDCA	Kadazan Dusun Cultural Association

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Pada zaman kuno, manusia mencipta pakaian untuk melindungi diri daripada perubahan cuaca dan ancaman luar. Kini pakaian memainkan peranan yang lebih daripada itu di mana pakaian juga berperanan dalam menunjukkan identiti sesebuah kaum (Suziyana binti Ismail, 2009). Kaum Kadazan merupakan salah satu kaum yang terdapat di negeri Sabah yang mana negeri ini mempunyai pelbagai suku kaum yang tinggal berkelompok atau berasingan yang menyebabkan wujudnya pelbagai bahasa, dialek, dan budaya tradisi yang tersendiri sehingga mewujudkan kepelbagaian jenis pakaian tradisi mengikut suku kaum itu yang lebih mudah dikenali oleh suku kaum yang lainnya (Abdul Halim Bandan, 2006).

Dengan itu, kajian yang akan dijalankan adalah untuk mengkaji ciri-ciri kenadiran pakaian tradisional kaum Kadazan di daerah Penampang dalam era moden dan mengenal pasti sumbangan pengusaha pakaian kaum Kadazan yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan kepada masyarakat di daerah Penampang yang menggunakan pakaian tradisional ini.

Oleh itu, dalam bab satu ini, pengkaji akan mengupas tentang latar belakang kajian seperti asal-usul kaum Kadazan, daerah Penampang, dan pakaian tradisional kaum Kadazan bagi pakaian tradisi wanita dan lelaki. Selain itu, pengkaji juga akan menyatakan objektif, permasalahan, persoalan, limitasi kajian, lokasi kajian, skop, dan kepentingan kajian. Di samping itu, pengkaji juga menyatakan definisi pakaian, keindahan, dan kebudayaan dalam bab ini.

## **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian ini berkenaan dengan pakaian tradisional kaum Kadazan yang tinggal di daerah Penampang, Sabah. Lokasi ini dipilih kerana daerah ini merupakan daerah yang terkenal dengan populasi yang lebih ramai penduduk yang berbangsa Kadazan. Perkara yang akan dikaji adalah berkaitan dengan kenadiran pakaian tradisional kaum Kadazan di Penampang yang diusahakan oleh pengusaha kecil-kecilan. Setiap suku kaum mempunyai pakaian tradisi yang tersendiri yang telah menjadi identiti bagi setiap suku kaum itu seperti kaum Kadazan yang juga mempunyai pakaian tradisi yang tersendiri dan sehingga kini ramai pengusaha pembuat pakaian tradisi yang mengusahakan perniagaan ini sehingga ciri-ciri kenadiran pakaian tradisi tersebut perlu di ambil tahu oleh setiap peniaga kecil-kecilan yang mengusahakan pakaian tradisi ini serta sumbangan mereka kepada masyarakat di daerah Penampang yang menggunakan pakaian tradisional kaum Kadazan tersebut.

Menurut Siti Zainon Ismail (1986) menyatakan bahawa masalah gaya seni hias pakaian sebagai penentuan peribadi atau identiti pakaian memperlihatkan peranan tukang atau seniman itu sendiri. Walaupun secara tradisi tukang hanya mewarisi kemahiran daripada generasi lama namun kepekaan mereka mencipta gubahan motif atau reka bentuk warna dapat mengubah ciptaan kraf tangan itu.

Penghasilan kraf tangan seperti pakaian tradisi ini mempunyai nilai estetika yang tinggi yang dapat dilihat daripada proses awal pembuatan hinggalah ianya dipakai yang dapat menampilkan kejelitaan dan keanggunan si pemakai selain menegaskan sifat-sifat tertentu, maka adalah lebih bermanfaat apabila seorang pengusaha pembuat pakaian tradisi kaum Kadazan ini untuk mengetahui tentang kenadiran yang ada pada pakaian tradisi ini. Menurut Othman Mohd Yatim (2006) menyatakan bahawa dalam memahami tentang betapa pentingnya kain songket kepada orang Melayu adalah lebih bermanfaat apabila seseorang itu memahami tentang keindahannya. Ini bermakna bahawa setiap pengusaha kecil-kecilan yang membuat pakaian tradisional kaum Kadazan ini adalah lebih bermanfaat apabila mereka memahami tentang nilai keindahan pakaian tradisi kaum Kadazan tersebut sebelum menghasilkan pakaian tradisi ini kepada suku kaum Kadazan terutama sekali kepada yang memakai pakaian tradisi tersebut.

Kesedaran tentang pengalaman hidup bermasyarakat menyebabkan tekstil yang dijadikan pakaian dicipta berdasarkan konsep budaya masyarakat. Pakaian perayaan atau yang berkaitan dengan istiadat dipakai menurut urutan yang selaras dengan warna dan motif khas untuk upacara yang bersangkutan (Siti Zainon Ismail, 2006). Ini menunjukkan bahawa pakaian tradisi yang dihasilkan oleh seorang pengusaha kecil-kecilan haruslah mempunyai fungsi kegunaannya barulah dipadankan dengan aksesori-aksesori yang diperlukan. Pakaian tradisi kaum Kadazan ini sering dipakai ketika musim perayaan seperti Pesta Menuai yang dikenali sebagai Pesta *Kaamatan* atau upacara khas seperti perkahwinan. Kebiasaannya, para gadis dari kaum

Kadazan akan memperagakan pakaian tradisi mereka apabila terdapat pertandingan Unduk Ngadau di Peringkat Sabah serta mengenakan aksesori yang lengkap semasa memperagakan pakaian tradisi tersebut.

Oleh itu, dalam memperagakan pakaian tradisional kaum ini perlulah mengetahui setiap hiasan-hiasan yang diperlukan dalam memperagakan pakaian tradisi yang lengkap. Hal ini demikian kerana, sekiranya pakaian tradisi ini diperagakan di khalayak ramai, maka generasi yang akan datang dapat mengenali pakaian tradisi kaum Kadazan dari Penampang dengan perhiasan yang telah dilengkapkan sekali.

Suatu budaya tidak akan wujud tanpa adanya masyarakat kerana penciptaan dan makna merupakan perkongsian antara masyarakat yang lain dan kepada generasi yang seterusnya seperti yang dinyatakan oleh Asma Abdullah (1996):

*“A culture cannot exist without a society as it is the group people who create and give significance to its shared ways” (Asma Abdullah, 1996,ms. 2)*

Seperti kenyataan di atas, perkongsian budaya antara masyarakat telah membawa kepada perkongsian dengan generasi yang baharu seperti pengusaha kecil-kecilan yang membuat pakaian tradisi ini yang mendapatkan kemahiran ini melalui generasi yang terdahulu iaitu nenek-moyang mereka yang kini telah diusahakan oleh generasi baharu yang boleh dilihat dari aspek ciri-ciri kenadiran pakaian tradisional kaum Kadazan di daerah Penampang dalam era moden yang seterusnya membawa kepada sumbangan terhadap masyarakat di daerah Penampang yang menggunakan pakaian tradisional ini.